

# 'Pokemon GO ancam keselamatan'

[FOTO AFP]

➔ Kerajaan diminta sekat akses, contohi langkah Arab Saudi, Indonesia


Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Siti Azila Alias  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan perlu mengambil langkah awal mengharamkan aplikasi permainan dalam talian yang menjadi kegilaan baharu, Pokemon GO daripada memasuki negara ini bagi mengurangkan risiko ancaman keselamatan.

Pakar kriminologi bebas, Shahul Hamid Abd Rahim, berkata aplikasi permainan berkenaan dikesan boleh menimbulkan ancaman keselamatan dan masalah jenayah perjudian jika tidak disekat lebih awal.

"Permainan ini jangan diberi peluang masuk ke dalam negara. Kalau sudah masuk kemudian baru hendak sekat, selalunya ia sukar



Permainan ini jangan diberi peluang masuk ke dalam negara. Kalau sudah masuk kemudian baru hendak sekat, selalunya ia sukar dikawal. Kita patut ikut langkah Arab Saudi dan Indonesia mengharamkan aplikasi itu"

**Shahul Hamid Abd Rahim,**  
Pakar kriminologi bebas



Mesej keselamatan dipamerkan di stesen kereta api bawah tanah di New York sebagai amaran kepada pengguna ketika bermain Pokemon Go di telefon bimbit masing-masing.

dikawal. Kita patut ikut langkah Arab Saudi dan Indonesia mengharamkan aplikasi itu.

### **Bertindak tegas**

"Jadi, kita minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia bertindak tegas menyekat terus kemasukan aplikasi permainan ini ke negara ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Shahul Hamid berkata, aplikasi seumpama itu besar kemungkinan boleh digunakan pihak luar untuk mencuri atau menceroboh maklumat pengguna kerana ia mengarahkan pemainnya memasuki kawasan larangan dalam negara.

"Kita masih lemah dalam aspek keselamatan 'firewall' dan mungkin mudah diceroboh pihak luar. Jika permainan ini boleh men-

jejaskan keselamatan awam dan negara, lebih baik disekat kemasukannya dari awal lagi," katanya.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar semalam berkata, tiada keperluan untuk melarang anggota polis bermain Pokemon GO kerana ia hanya satu permainan.

Beliau berkata, permainan itu belum memasuki pasaran di negara, justeru tiada sebab untuk pihaknya mengenakan larangan itu.

"Saya tidak nampak sebab untuk melarang permainan itu. Ia hanya satu permainan, melainkan ada unsur judi atau unsur lain yang boleh mengancam keselamatan, baru kita akan lihat, tetapi setakat ini tiada keperluan (melarang anggota bermain)," katanya selepas majlis pe-

nutup Program 'Trim&Fit' 2016 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di sini, semalam.

Sementara itu, pakar Pasukan Bertindak Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT), CyberSecurity Malaysia, Megat Muazzam Abdul Mutalib, berkata pengguna telefon pintar atau gajet komunikasi berasaskan sistem operasi (OS) Android dan iPhone dinasihatkan lebih berhati-hati memuat turun apa juga aplikasi permainan dalam talian termasuk Pokemon GO bagi mengelak menjadi mangsa jenayah siber.

### **Akses data peribadi**

Beliau berkata, ada aplikasi permainan dalam talian mensyaratkan pengguna perlu membenarkan aplikasi berkenaan mengakses

segala maklumat dan data peribadi sebelum proses memuat turun dilakukan.

"Apabila pengguna membenarkan aplikasi ini mengakses semua maklumat dan data peribadi, ia mendedahkan pengguna kepada risiko jenayah siber apabila maklumat itu boleh digunakan pihak luar untuk memanipulasinya.

"Pengguna perlu sedar perisian aplikasi ini direka pihak luar, kita tidak tahu apa sebenarnya yang ada di dalam aplikasi itu.

"Jadi, elak menggunakan peranti rasmi pejabat atau milik syarikat daripada memuat turun aplikasi yang tidak diketahui ketulenannya kerana ia mungkin akan mengakses segala maklumat peribadi, kerja dan data pengguna untuk pihak luar," katanya.

BH  
22/7/16  
m/s 5